

21/07/1999

Jaguh jadi perhatian utama pembeli

KUALA LUMPUR, Selasa - Sambutan orang ramai terhadap motosikal baru, `Jaguh' keluaran Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas) amat menggalakkan sejak dilancarkan, semalam.

Tinjauan Berita Harian sekitar Lembah Klang hari ini, mendapati motosikal empat lejang pertama model terbaru 175cc itu menjadi perhatian utama pembeli motosikal.

Kebanyakan kedai serta bilik pameran motosikal Modenas bukan saja menerima kunjungan orang ramai terutama golongan muda dan mendapat tempahan amat menggalakkan.

Pengunjung yang ditemui berpuas hati dengan motosikal itu serta berbangga dengan kejayaan negara mengeluarkan motosikal seumpama itu.

Kakitangan kerajaan, Khairul Anuar, 30, berkata Modenas Jaguh boleh menjadi pilihan utama kerana harga berpatutan serta memiliki corak menarik.

Kakitangan swasta, Mohd Fauzi Omar, 27, berkata Modenas perlu meningkatkan jualan motosikal itu pada masa depan kerana ia bukan sahaja sesuai untuk pasaran tempatan malah luar negara.

"Reka bentuk Modenas Jaguh bukan saja sesuai untuk pembeli tempatan malah akan menjadi antara pesaing utama motosikal dunia jika dipasarkan di peringkat antarabangsa," katanya.

Sementara itu, Pengurus Jualan Kawasan Selatan dan Malaysia Timur, Mohd Fidzal Shamsuddin, berkata setakat ini pihaknya sudah menerima lebih 500 tempahan daripada pengedar motosikal seluruh Lembah Klang.

Jumlah itu tidak termasuk permintaan Modenas Jaguh yang dipasarkan di lain-lain negeri termasuk Sabah dan Sarawak.

"Kita tidak menyangka sama sekali akan mendapat sambutan menggalakkan selepas motosikal model itu dilancarkan semalam.

"Bagaimanapun, kami menasihatkan orang ramai jangan bimbang untuk mendapatkan Modenas Jaguh kerana Edaran Modenas Sdn Bhd (Emos) masih mempunyai stok yang banyak.

"Sehubungan itu, saya meminta kepada orang ramai yang ingin membuat tempahan supaya segera kerana Modenas kini menawarkan harga promosi paling istimewa iaitu RM6,998 bagi 1,000 pembeli pertama," katanya.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammed melancarkan motosikal nasional Modenas Jaguh 175cc, berikutan permintaan menggalakkan bagi model berkenaan.

Antara ciri-ciri menarik Jaguh ialah memiliki enjin empat lejang berkuasa 175 cc, transmisi lima kelajuan, brek cakera hadapan, palang kendali lurus, tempat duduk rendah, berbentuk Chopper dan penggunaan petrol yang efisien.

Jaguh kini ditawarkan dalam tiga pilihan warna iaitu kuning, perak dan hijau gelap. Sistem penyejukan enjin pula berasaskan sistem seperti motosikal Yamaha Virago iaitu menggunakan angin ketika meluncur di jalan raya.

(END)